

**MENJANA MODAL INSAN KAMIL MODEL ‘JERISAH’:  
KAJIAN KES DI KOLEJ ISLAM SULTAN ALAM SHAH, KLANG, MALAYSIA**

Dr. Mohamad Johdi Salleh  
Dianah Omar, Fazlina Mohamad, Rohaya Ramli  
*International Islamic University Malaysia*

**Abstrak**

*Menjana modal insan kamil bertaraf internasional merupakan visi Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) dalam mendidik pelajar selaras dengan Falsafah Pendidikan Islam, Falsafah Pendidikan Malaysia dan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) Malaysia. Teras pendidikan ini berhasrat melahirkan pelajar yang berketerampilan sahsiah, mahir dalam sains-teknologi, estetika harmoni, optimis-kreatif, dan beramal soleh dengan konsep JERISAH. Semenjak ditubuhkan KISAS menjadi institusi terulung bidang agama Islam yang cemerlang dan menjadi sekolah kluster di bawah penyeliaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini membincangkan strategi dan perlaksanaan KISAS ke arah merealisasikan visi dan misi luhur tersebut, melalui suatu kajian kes yang dijalankan. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik, temu bual dan pemerhatian terhadap guru-guru, pelajar-pelajar, dan persekitaran sekolah. Dapatkan kajian menunjukkan pencapaian akademik pelajar masih cemerlang, aktif dalam pelbagai ko-kurikulum, pelajar berinisiatif tinggi, hubungan baik pelajar-guru, pelajar-pelajar, pelajar-ibu bapa, pelajar-masyarakat, dan komitmen warga sekolah dengan amalan soleh berdasarkan ajaran Islam yang menyeluruh. Semoga kajian ini menjadi panduan kepada semua warga pendidikan khasnya di rantau Nusantara dalam memperkasakan peranan pendidikan Islam syumul menjana insan kamil yang cemerlang di dunia dan gemilang di akhirat.*

**Pendahuluan**

Pada asasnya, manusia atau insan terdiri daripada tiga bahagian iaitu fizikal, akal dan roh yang turut digelar ‘al-hayawan al-natiq’ atau haiwan yang berakal. Kamus Dewan mendefinisikan ‘modal’ sebagai sesuatu yang digunakan untuk mendapatkan atau mencapai sesuatu objektif, ‘insan’ adalah manusia, dan ‘kamil’ bererti sempurna. Ini bermakna modal insan kamil merujuk kepada tenaga manusia yang menggerakkan pembangunan dan kejayaan sesebuah keluarga, komuniti dan negara. Mereka amat penting sebagai aset yang berharga pada masa ini dan masa hadapan. Produktiviti dan integriti insan terserlah dengan prinsip bersepadu aspek intelektual, jasmani, emosi, dan pengamalan agama tauhid. Personaliti dan keterampilan kamil berlandaskan Al-Quran dan Sunah Rasulullah SAW sedemikian berkemampuan menempa pembangunan gemilang sarwajagat dan beroleh keampunan serta kasih sayang Allah SWT – ‘Baladatun-taibah Warabbun-ghaffur’.

### Falsafah Pendidikan Malaysia

Falsafah Pendidikan Negara yang telah dirumuskan pada tahun 1988 menyatakan: "*Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.*"

### Matlamat Pendidikan Islam

Konferen Makkah di Jeddah tahun 1977 melibatkan 320 tokoh ilmuan Islam dari 33 buah negara dan beberapa siri lanjutan konferen tersebut menggariskan bahawa matlamat Pendidikan Islam adalah:

*"Pendidikan haruslah bermatlamatkan membentuk perkembangan individu yang seimbang melalui perkembangan rohani, intelek, emosi dan jasmani. Perkembangan ini membolehkan seseorang individu merasai keterikatan emosinya dengan Islam dan membolehkannya mentaati al-Qur'an dan as-Sunnah dan dikawal oleh sistem akhlak Islam dengan rela hati dan gembira yang memungkinkannya menjalankan amanahnya sebagai Khalifah Allah di muka bumi."*<sup>1</sup>

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara dan matlamat Pendidikan Islam di atas terdapat beberapa persamaan di antaranya:

- i. Falsafah pendidikan negara menyebut tujuannya adalah untuk memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani manakala Matlamat Pendidikan Islam pula menyebut pendidikan haruslah bermatlamatkan membentuk perkembangan individu yang seimbang melalui perkembangan rohani, intelek, emosi dan jasmani.
- ii. Falsafah pendidikan negara berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan manakala Matlamat Pendidikan Islam berlandaskan keterikatan emosinya dengan Islam dan membolehkannya mentaati al-Qur'an dan as-Sunnah.
- iii. Falsafah pendidikan negara bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri manakala Matlamat Pendidikan Islam bertujuan melahirkan individu yang dikawal oleh sistem akhlak Islam dengan rela hati dan gembira
- iv. Falsafah pendidikan negara menyebut ia bertujuan untuk melahirkan individu yang akan memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara manakala Matlamat Pendidikan Islam pula menyebut ia bertujuan untuk melahirkan individu yang akan menjalankan amanahnya sebagai Khalifah Allah di muka bumi.

Berdasarkan beberapa persamaan yang telah dikenalpasti, banyak pihak meyakini bahawa Falsafah Pendidikan Malaysia yang telah dibentuk pada tahun 1988 itu adalah berdasarkan matlamat Pendidikan Islam yang dibentuk di Konferen Makkah 1977.

Namun begitu, perkara berkenaan tidak pernah dinyatakan dengan jelas oleh pihak kementerian di Malaysia kemungkinan untuk menjaga sensitiviti kaum-kaum bukan beragama Islam di Malaysia. Penggunaan perkataan “kepercayaan kepada Tuhan” di dalam Falsafah Pendidikan Negara dan Perlumbagaan Negara juga adalah bertujuan sedemikian, walaupun hakikat sebenar yang dimaksudkan adalah “kepercayaan kepada Allah s.w.t.” Mungkin kata-kata yang paling baik untuk menggambarkan perkara ini adalah kata-kata Profesor Sidek Baba iaitu “*yang tersurat kita tahu, yang tersirat kita mengerti.*”

Justeru, lantaran pendidikan di Malaysia adalah berlandaskan Islam, golongan yang paling baik untuk merealisasikan inspirasi pendidikan negara adalah golongan guru-guru pendidikan Islam yang terdapat di setiap sekolah rendah dan menengah. Namun persoalannya, adakah golongan yang digelar “ustaz” dan “ustazah” ini bersedia untuk memikul tanggungjawab ini? Adakah mereka sanggup untuk bergaul dan mengajar murid-murid yang bukan beragama Islam? Adakah mereka mempunyai semangat dakwah dan strategi berkesan? Persoalan ini sebenarnya masih boleh diperolehi jawapannya dengan meninjau beberapa sekolah di Malaysia yang akur terhadap amalan merealisasikan Falasafah Pendidikan Malaysia dan Matlamat Pendidikan Islam yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan mengikut perspektif Islam. Keberkesanan pengamalan pengajaran dan pembelajaran adalah diukur daripada pendidikan sesebuah sekolah yang menghasilkan personaliti insan kamil yang sempurna dan seimbang dari aspek JERISAH akronim Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek, Sosialisasi, Alam persekitaran, Hamba Allah.

### **Perspektif Islam Terhadap Konsep Insan Kamil**

Modal insan merujuk kepada aset tenaga manusia berdasarkan tujuan asal dijadikan di muka bumi ini seperti firman Allah SWT dalam surah Adz-Dzaariaat: ayat 56:

{**وَمَا خَلَقْنَا الْجِنَّةِ وَالإِنْسَانَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ**}

Ayat di atas menyatakan dengan jelas bahawa tujuan utama manusia dijadikan adalah untuk beribadat kepada Allah SWT. Selanjutnya berperanan sebagai khalifah, menjadi pemimpin, memakmurkan alam, dan melaksanakan syariat secara syumul. Pengamalan Islam menyeluruh dan integrative berteraskan Al-Qur'an dan Sunnah merupakan teras kepada pembangunan modal insan kamil yang berprinsip berakidah tauhid, beribadah khusuk, berakhlik mahmudah, bernafsu mutmainah, dan berpersonaliti JERISAH.

Konsep lebih jelas terhadap pengertian insan kamil ialah individu insan yang dapat menyeimbangi tuntutan duniaawi dan ukhrawi, seperti Allah SWT berfirman dalam surah *Al-Qashash*: 77) : “...rebutlah peluang kekal di akhirat, tetapi jangan lupa nasib kamu di dunia”. Allah SWT lebih tegas berfirman dalam Surah Al-Imran “Akan ditimpakan kecelakaan terhadap manusia di mana-mana mereka berada, kecuali yang membaiki hubungan dengan Allah dan berbuat baik sesama manusia”. Keseimbangan tanggungjawab terhadap Allah SWT dan silatul-rahmi sesama manusia merupakan prinsip teras kehidupan insan kamil yang berjaya di dunia dan cemerlang di akhirat.

Kejayaan insan di dunia telah dibuktikan oleh Rasulullah SAW dan Khulafa Ar-Rashidin. Para sahabat yang klasifikasikan sebagai insan kamil turut menempa pelbagai kecemerlangan duniawi seperti Khalifah Abu Bakar dikenali sebagai ‘Penyelamat Negara Islam’ yang berjaya menghapuskan gerakan ar-Riddah terdiri daripada murtad, nabi palsu dan ingkar kepada kewajipan berzakat. Khalifah Umar Al-Khattab dinobatkan sebagai ‘Pembina Empayar Islam’ berjaya menewaskan Empayar Rom Kristian dan Parsi Majusi dengan melaksanakan pelbagai pembaharuan sistem pemerintahan, pendidikan, pertahanan, dan kemudahan awam. Khalifah Uthman Ibnu Affan terkenal dengan ‘Perintis Pembinaan Angkatan Armada’ yang berjaya menguasai Laut Mediterranean. Khalifah Ali Karamallah merupakan anak kunci ilmu Rasulullah yang tegas serta tidak pernah tewas dalam medan peperangan melawan musuh-musuh Allah. Pengamalan Islam syumul berjaya menjana insan kamil cemerlang di era pemerintahan Umayyah dan Abbasiyah. Lahir pemerintah adil saksama seperti Umar Abdul Aziz, Al-Makmun amat cintakan ilmu pengetahuan, dan, Harun ar-Rashid menempa kegembilangan tamadun keilmuan Islam. Ulama Mujtahid seperti Imam Hambali, Imam Hanapi, Imam Malik dan Imam Syafie. Muncul cendekiawan Islam yang mahir al-Quran dan pintar sains, matematik, astronomi, fizik, perubatan, psikologi seperti Al-Khawarizmi, Ibnu Sina, Al-Farabi, Al-Ghazali, dan Ibn Rushd. Panglima Salahuddin Al-Ayubi an-Nasr berjaya menumpaskan tentera Salib pimpinan Richard The Lion Heart dan Raja Reynolds dalam menawan Baitul Maqdis kota suci Islam ketiga. Terbukti dalam lembaran sejarah bahawa penggembelingan tenaga JERISAH umarak dan ulama berjaya menjana pembinaan Tamadun Islam yang tegak berkibar bendera Kalimah Taibah di muka bumi dari masyrik ke maghrib selama tujuh abad dengan empayar ‘aman damai dan memperoleh keampunan Allah SWT’.

Kegigihan jihad dan mujahadah para sahabat, ulama, mujahid, mujtahid, dan cendekiawan terdahulu menyebabkan Islam dan iman sampai kepada umat manusia di Nusantara. Manakala hasil kepintaran mereka terserlah hingga ke hari ini yang terus menerus digunakan dalam pembangunan dan modenisasi barat. Malangnya semenjak keruntuhan Khalifah Uthmainah di Turki pada tahun 1929, umat Islam yang hilang kepemimpinan syumul mengamalkan spiritualiti sempit dan barat melagang modenisasi secular nyah agama yang kedua-duanya sering kali pincang kerana pengamalan dualistic dalam kehidupan dan pembinaan tamadun manusia.

Di Barat contohnya, nilai-nilai diri sebagai manusia seringkali tidak dipedulikan dan semakin pupus. Daily Mail melaporkan bahawa setiap tahun terdapat sebanyak 46,000 bayi dilahirkan oleh kanak-kanak belasan tahun di England (Daily Mail 13.7.1978) dalam ‘Pendidikan: Suatu Pemikiran Semula’ oleh Tajul Ariffin Nordin. Kadar bunuh diri dalam kalangan remaja di Kotaraya Metropolitan-Kosmopolitan seperti California, Seoul, dan Tokyo meningkat setiap tahun. Bahkan di Malaysia turut semakin parah nilai-nilai kemanusiaan dan keagamaan di kalangan umat Islam. Akhbar arus perdana dan tabloid menyiaran berita tentang peningkatan bilangan penagih dadah, buli di sekolah hingga maut, sang rempit bermaharaja lela di jalan raya, peragut kejam hingga menyebabkan mangsa maut, sang rempit, bohsia-bohjan berpelesiran dan pelbagai macam bala-musyibah. Rumusannya, gejala penyakit sosial umat Islam di Malaysia sebahagiannya lebih parah daripada pengamalan masyarakat ‘Jahiliyyah pra-Islam’ yang malu lantaran menanam hanya bayi perempuan ditanam hidup-hidup dan bayi lelaki

dibelai rapi, tetapi ‘Umat Jahiliyyah Siber’ tegalan membuang bayi perempuan mahu pun lelaki hidup-hidup masih beruri di tepi jalan atau tong sampah.

Bala-musyibah dalam kalangan umat Islam di Nusantara ini semakin marak dan sebahagiannya telah memercik ke atas komuniti kita. Amat pasti sekiranya dibiarkan menjulang membakar persekitaran dan diri kita musnah binasa dalam erti kata ‘azab neraka yang dipercepatkan’ – wal-iyazubillah. Sedangkan Rasulullah SAW telah menunjuk-teladan kehidupan aman bahagia seperti ‘syurga yang dipercepatkan’ dengan penuh kenikmatan, kedamaian, dan kesejahteraan. Ini akan berlaku ke atas insan prihatin yang kehidupannya seimbang antara tuntutan ukhrawi dan dunia dalam pengamalan Islam syumul. Pewujudan modal insan kamil ditegaskan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Forum Ekonomi Jeddah 2005 mengenai pentingnya membangunkan modal insan, amat perlu, ataupun satu perkara yang berkaitan antara berjaya-gagal, maju-mundur, hidup-mati.

Jelaslah bahawa usaha menjana modal insan kamil berpersolaiti JERISAH merupakan manifestasi daripada kombinasi Falsafah Pendidikan Islam, Falsafah Pendidikan Barat, dan Falsafah Pendidikan Malaysia merupakan tanggungjawab fardu ain ke atas setiap individu muslim dan fardu kifayah ke atas kepemimpinan masyarakat dan negara demi mengembalikan umat Islam di persada ‘cemerlang, gemilang, dan terbilang’ di dunia dan akhirat.

### **Persoalan Kajian**

Pada zaman siber serba canggih ini, manusia di serata pelosok alam sentiasa berlumba-lumba membina pembangunan melakar tamadun unggul sarwajagat. Masing-masing ingin mencipta kemajuan tetapi malangnya mengenepikan aspek-aspek moral, keagamaan, integriti dan nilai-nilai dalam masyarakat-kemanusiaan. Walaupun ada segelintir yang masih menjaga nilai-nilai tersebut, namun sekiranya dibiarkan sahaja tidak mustahil penyakit sosial ini akan terus merebak menjadi wabak separah H1N1. Sedangkan Islam tidak pernah menolak pembangunan bahkan telah terpahat dalam sejarah kemajuan tamadun Islam yang unik hingga menjadi prinsip dan formula pembangunan negara-negara barat sampai masa kini.

Pengkaji amat yakin bahawa kemelut sosial, krisis nilai, kecelaruan maruah dan kemerosotan integriti umat Islam boleh ditangani secara efektif melalui sistem persekolahan yang mengamalkan pendidikan integrasi keilmuan fardu ain dan fardu kifayah konsep JERISAH sebagai teras penjanaan insan kamil sebenar yang akan cemerlang di dunia dan gemilang di akhirat, insya-Allah.

### **Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini adalah untuk meninjau kefahaman pelajar terhadap konsep modal insan kamil dan strategi melahirkan modal insan kamil dalam pelaksanaan kurikulum bersepadu persekolahan.

### **Sampel dan Metodologi Kajian**

Kajian ini dijalankan di Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), Selangor Darul Ehsan. KISAS merupakan institusi persekolahan Islam tertua dan terulung di Malaysia yang berjaya menghasilkan lulusan cemerlang dalam kurikulum dan ko-kurikulum. Pelajar KISAS melanjutkan pelajaran di universiti prestij dalam dan luar negara termasuk

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang melaksanakan pendidikan integrative. Ramai lepasan persekolahan KISAS yang menjawat perjawatan tinggi dalam kerajaan dan korporat termasuk wakil rakyat, ahli parlimen, dan menteri kabinet hingga ke hari ini. Sampel kajian ini terdiri daripada guru-guru, dan pelajar-pelajar KISAS menengah atas iaitu Tingkatan Empat hingga Enam lelaki dan perempuan.

Kajian menggunakan soalselidik yang diedarkan kepada responden meninjau penglibatan mereka dalam kurikulum, ko-kurikulum dan pembangunan sahsiah diri. Pengkaji menemubual guru kaunseling dan setiausaha sekolah mengenai aktiviti-aktiviti pelajar, pencapaian akademik, dan prestasi akhlak mereka. Pemerhatian dibuat untuk meneliti aktiviti-aktiviti pelajar dan kemudahan sekolah.

Kajian ini penting untuk memberi maklumat mengenai pemahaman responden terhadap konsep modal insan kamil dan strategi pembentukan di sekolah. Kajian ini amat berguna untuk menambah pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan tajuk tetapi terbatas kepada responden, pengamalan dan persekitaran KISAS sebagai sekolah cemerlang dan kluster terunggul di Malaysia semenjak ditubuhkan hingga ke hari ini.

### **Dapatkan Kajian**

Berikut merupakan perbincangan terhadap dapatan kajian:

#### **1. Strategi Pembangunan Modal Insan Kamil:**

Menjana modal insan kamil bertaraf dunia merupakan visi Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) dalam mendidik pelajar sekaligus bakal melahirkan modal insan yang diperlukan negara. Ini selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) di dalam teras kedua iaitu membangunkan modal insan. Usaha untuk membangunkan diri, lebih menumpukan kepada sistem nilai, aspek disiplin, sahsiah, akhlak dan jati diri pelajar. Teras ini juga berhasrat melahirkan pelajar yang mahir dan pakar dalam sains dan teknologi, aliran sastera, dan agama yang inovatif dan kreatif serta kebolehpasaran yang tinggi.

Dalam mencapai visi dan misi KISAS serta teras kedua PIPP iaitu membangunkan modal insan, penekanan dan penumpuan diberikan kepada tiga aspek utama iaitu Kurikulum, Ko-kurikulum, dan Disiplin.

Dari aspek kurikulum, KISAS mempunyai pelajar menengah atas sahaja setakat ini, iaitu pelajar-pelajar Tingkatan Empat hingga Enam Atas. Di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) iaitu Tingkatan Empat dan Lima KISAS memberi pilihan samada ingin memilih aliran Sains Agama dan Sastera Agama. Setiap pelajar diwajibkan untuk mengambil subjek Pendidikan Agama Islam yang sama. KISAS menekankan kedua-dua bidang, iaitu akademik untuk intelektualisme dan subjek agama untuk membentuk keperibadian pelajar muslim dengan ibadah yang betul.

Matapelajaran yang ditawarkan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk aliran Sains Agama ialah Fizik, Kimia, Biologi, Matematik Tambahan, Sejarah' Bahasa Arab Tinggi, Pendidikan Syariah Islamiah, Pendidikan Al-Qur'an Sunah, Matematik Moden, Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, EST atau English for Science and Technology. Aliran Sastera Agama ialah Prinsip Akaun, Ekonomi Asas, Sains, Matematik Tambahan, Sejarah, Bahasa Arab Tinggi, Pendidikan Syariah Islamiah, Pendidikan Al-Qur'an dan Sunnah, Matematik Moden, Bahasa Malaysia, dan Bahasa Inggeris.

Pelajar Tingkatan Enam, KISAS menawarkan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Subjek STPM ialah Pengajian Am, Bahasa Arab, Syariah, Usuluddin, Sejarah, Bahasa Malaysia, dan Ekonomi. Subjek STAM ialah Al-Qur'an dan Tajwid, Fiqh, Tauhid dan Mantik, Hadith dan Mustolah, Nahu dan Sarf, Insyak dan Mutolaah, Adab dan Nusus, Arudh dan Qafiyah, Balaghah, Tafsir dan Ulumuhu.

Kejayaan KISAS dapat dilihat apabila berjaya meraih keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan akademik yang telah diambil. Maklumat di bawah menunjukkan pencapaian cemerlang yang dicapai didalam peperiksaan SPM, STPM, STAM.

**Rajah 1: Keputusan Peperiksaan SPM, STPM dan STAM**

Tahun / Perkara	2002	2003	2004	2005	2006
SPM (G.P)	2.00	1.94	1.70	1.74	1.74
STPM (PNG)	2.77	3.14	3.21	3.26	3.19
STAM (MUMTAZ)	13M	9M	13M	8M	12M

Pencapaian lain termasuklah Tempat Pertama peringkat Kebangsaan dalam STPM Tahun 2006 antara Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), tempat Pertama Pencapaian Matapelajaran Pengajian Am, tempat Pertama Pencapaian Matapelajaran Bahasa Melayu, dan tempat Pertama subjek Sejarah.

Kedua, dalam bidang kokurikulum, KISAS mewajibkan pelajar mengambil bahagian sekurang-kurangnya tiga jenis aktiviti kokurikulum, iaitu Badan Beruniform, Persatuan/Kelab, dan Sukan / Permainan. Kokurikulum yang diwujudkan di KISAS mengikut bahagian-bahagiannya ialah Pasukan Pakaian Beruniform/Seragam terdiri daripada Persatuan Bulan Sabit Merah, Persatuan Kadet Polis, Persatuan Pengakap, Persatuan Kadet Bomba, Persatuan Puteri Islam, Persatuan Seni Silat Gayung Malaysia, Persatuan Karate-Do Malaysia, Persatuan Kadet Remaja Sekolah, Persatuan Kadet Trafik Sekolah; Persatuan Akademik ialah Persatuan Bahsa Arab, Persatuan Sains, Persatuan Bahasa dan Kebudayaan Melayu, Persatuan Matematik, Persatuan Bahasa Inggeris, Persatuan Sejarah; Kelab ialah Kelab Pengguna, Kelab Seni Foto dan Video, Kelab Usahawan Muda, Kelab Pencegahan Jenayah, Kelab Prostar, Kelab ESP UNESCO, Kelab Seni Kreatif, dan Kelab SPBT. Bahagian Sukan ialah Bola sepak, Ragbi, Bola Tampar, Bola Baling, Bola Keranjang, Bola Jaring, Tenis, Kriket, Badminton, Ping Pong, Hoki, dan Sepak Takraw.

Ketiga, dari aspek pengurusan disiplin pelajar, pihak sekolah menekankan kerjasama berpasukan melalui sistem merit/demerkit, pelajar-pelajar akan di bahagikan kepada empat rumah untuk sepanjang tahun. Markah akan diberikan berdasarkan penglibatan pelajar terhadap aktiviti kokurikulum, pencapaian dalam akademik, kebersihan, dan keceriaan, sahsiah dan kepimpinan. Jika pelajar melakukan kesalahan markah kumpulan akan ditolak. Dengan ini, individu akan sentiasa menjaga tingkah laku mereka dan rasa tanggungjawab diri akan subur sentiasa.

## **2. KISAS sebagai Sekolah Kluster**

Sekolah kluster adalah satu jenama yang diberi kepada sekolah yang dikenal pasti cemerlang dalam klusternya daripada aspek pengurusan sekolah dan kemenjadian murid. Pewujudan sekolah kluster bertujuan melonjakkan kecemerlangan sekolah dalam sistem

pendidikan Malaysia dan membangun sekolah yang boleh dicontohi oleh sekolah dalam kluster yang sama dan di luar klusternya.<sup>2</sup>

Pada 30/3/2007, KISAS telah dipilih untuk menjadi salah sebuah sekolah dalam program sekolah kluster. Kebitaraan bagi KISAS dari segi akademik ialah Bahasa Arab, dari segi kokurikulum ialah silat gayung sistem akademik pula ialah pengucapan awam dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Setiap sekolah kluster mempunyai Key Performance Indicator (KPI) tersendiri. Begitu juga dengan KISAS, KPI bagi KISAS ialah menghendakki pelajar mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa.

Melalui sistem sekolah kluster ini, KISAS telah menjalankan perhubungan luar. Contohnya, pasukan silat gayung sekolah mengadakan lawatan ke Jakarta, Indonesia. Bagi kebitaraan Bahasa Arab, mereka mengadakan lawatan ke Singapura. Melalui lawatan ini, mereka boleh bertukar-tukar ilmu dan pengalaman. Bagi pengucapan awam pula, pihak KISAS telah menjemput pelatih dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bagi melatih pelajar-pelajarnya supaya mempunyai tahap “soft-skill” yang tinggi. Untuk memantapkan lagi kemahiran dalam debat dan pengucapan awam, pihak KISAS mengadakan latihan tersebut pada hari Ahad. Mereka membuat latihan di peringkat sekolah, luar sekolah dan seterusnya di peringkat antarabangsa bagi mencapai matlamat untuk menjadi juara di setiap pertandingan yang disertai.

Sebagaimana yang diketahui umum, KISAS merupakan sebuah sekolah berasrama penuh yang cemerlang dari segi akademik dan kokurikulum. KISAS telah banyak memenangi setiap pertandingan yang disertai samada di peringkat daerah hingga kebangsaan. Antara kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh pelajar-pelajar KISAS pada tahun 2007 berdasarkan kebitaraannya ialah pada majlis ihtifal SMKA, pelajarnya telah mendapat tempat naib johan dalam “Qiraah Sab’ah”, tempat ketiga kuiz Bahasa Arab di peringkat kebangsaan. Bagi pengucapan awam, pelajar KISAS telah menjadi johan peringkat negeri dalam pertandingan “Pidato Piala Di Raja” dan untuk silat olahraga pula, pelajar KISAS telah memenangi tempat ketiga dalam “Kejohanan Pencak Silat Sekolah-sekolah Klang”. KISAS telah banyak kali berjaya menjadi top-five dalam pelbagai pertandingan khasnya debat dan pidato peringkat kebangsaan sekolah-sekolah berasrama penuh Malaysia.

Di samping itu, peranan alumni, PIBG banyak menyokong pihak sekolah. Mereka banyak memberi sumbangan dari segi kewangan kepada pihak sekolah bagi membantu serta menyokong program-program yang diadakan oleh pihak sekolah.

Menurut temuramah yang dijalankan ke atas Pn Hemalatha, iaitu setiausaha sekolah kluster KISAS, KISAS telah banyak memperolehi kebaikan setelah dinobatkan sebagai sekolah kluster. Antaranya ialah perubahan infrastruktur. Terdapat bangunan-bangunan yang lama telah diubah dan dibina baru yang dapat menarik minat pelajar untuk lebih bersemangat dalam pembelajaran dengan kemudahan-kemudahan mencukupi seperti makmal sains, makmal computer, bilik kaunseling dan sebagainya. Para guru juga selalu mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah cemerlang samada di luar atau di dalam sistem untuk bertukar-tukar ilmu dan pengalaman yang ada. Memandangkan peruntukan kewangan yang banyak bagi sekolah kluster, pelajar-pelajarnya mendapat makanan pakej A. Mereka dihidangkan dengan makanan yang berkhasiat dan seimbang. Ini boleh

memberi kesihatan dan kecerdasan otak pelajar tersebut dan mereka senang untuk menerima ilmu yang diajar oleh guru-guru.

Berdasarkan soalselidik, sebanyak 83% responden bersetuju bahawa kekerapan peperiksaan membantu pencapaian pelajar. Penglibatan pelajar dalam unit beruniform ialah Pengakap 17%, Kadet Remaja 17%, Kadet Bomba 20%, Puteri Islam 10%, Persatuan Bulan Sabit Merah 10%, dan lain-lain 26%. Penglibatan pelajar dalam Kelab di KISAS ialah Usahawan Muda 28%, Seni Foto dan Video 9%, Pengguna 18%, Pencegah Jenayah 14%, Prostar 9%, dan lain-lain 7%. Penglibatan pelajar dalam Persatuan Akademik ialah Bahasa Arab 24%, Bahasa Melayu 13%, Bahasa Inggeris 20%, Sejarah 10%, Sains dan Matematik 23%, dan lain-lain 10%. Penglibatan pelajar KISAS dalam Sukan ialah Bola Sepak 21%, Bola Jaring 26%, Bola tampar 8%, Bola Keranjang 3%, Badminton 13%, Pingpong 8%, Sepak takraw 5%, Olahraga 11%, dan lain-lain 5%.

Faktor-faktor mendorong pelajar melanjutkan pelajaran di KISAS ialah diri sendiri 60%, keluarga 35%, dan rakan-rakan 5%. Sumbangan yang ingin dicapai setelah tamat belajar ialah membangunkan masyarakat dan negara 60%, dan, berkhidmat untuk agama 40%. Penglibatan pelajar dalam solat berjemaah setiap hari ialah 100%. Hubungan baik pelajar dengan ibu-bapa ialah setuju 88%, tidak pasti 8%, dan 4% tidak setuju. Hubungan baik pelajar dengan guru ialah setuju 92%, tidak pasti 5%, dan tidak setuju 3%. Hubungan baik dengan rakan ialah setuju 90%, dan tidak pasti 10%. Hubungan baik pelajar dengan masyarakat ialah setuju 78%, tidak pasti 12%, dan tidak setuju 10%.

### **3. Latar belakang Pencapaian Akademik Responden**

Daripada soalan kaji selidik yang dijalankan keatas 30 orang pelajar. Para penyelidik telah mengambil 11 sampel pelajar lelaki dan 19 pelajar perempuan yang mana kesemua mereka itu terdiri daripada pelajar aliran Sains Agama. Jika diperhatikan tahap pencapaian akademik mereka telah mencapai keputusan dengan cemerlang di dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) iaitu 7A hingga 9A. Majoriti daripada mereka iaitu 83% mempersetujui bahawa peperiksaan yang kerap adalah membantu meningkatkan pencapaian akademik mereka.

### **4. Pencapaian Kurikulum-Akademik**

Daripada peratusan yang tinggi pencapaian akademik didapati bahawa mereka adalah pelajar cemerlang inteleknya. Ini dikuatkan lagi dengan bilangan subjek yang mereka ambil di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kerana mereka bukan sahaja mengambil subjek sains bahkan mereka juga diwajibkan mengambil subjek agama dan mampu mempelajarinya. Ini dapat dibuktikan apabila KISAS telah melahirkan pelajar-pelajar cemerlang di dalam peperiksaan SPM, STPM, dan STAM seperti mendapat pengiktiran pencapaian terbaik peringkat nasional.

### **5. Pencapaian Ko-Kurikulum**

Sifat positif dapat dilahirkan melalui kegiatan ko-kurikulum. Kepentingan aktiviti ini setara dengan kepentingan aktiviti di dalam bilik darjah kerana peranannya sebagai penyumbang dan pelengkap kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. KISAS telah menetapkan visinya dalam bidang ko-kurikulum iaitu melahirkan insan yang mempunyai daya saing serta semangat juang yang tinggi dalam bidang kokurikulum berlandaskan keimanan dan ketaqwaan sejarah dengan falsafah pendidikan kebangsaan.

Fungsi-fungsi kurikulum boleh dibahagikan mengikut jenis-jenis aktiviti seperti di bawah.

1- Persatuan / Kelab

- Mengembang, mengukuh dan mengaplikasikan ilmu pengetahuan serta pengalaman yang telah dipelajari di bilik darjah
- Berinteraksi dengan masyarakat dan alam sekitar
- Menguji dan mempertingkatkan ciri-ciri kepimpinan, ketabahan dan kecekalan menghadapi masalah dan cabaran
- Menggalakkan interaksi dan integrasi di kalangan pelajar
- Meningkatkan kemahiran berkomunikasi, membuat pembentangan dan “public speaking”

2- Badan beruniform

- Melatih diri berdikari dalam apa jua keadaan dan situasi, di samping memupuk sikap yakin kepada diri sendiri
- Menggalakkan interaksi dan integrasi di kalangan pelajar
- Meningkatkan disiplin pelajar dan memupuk nilai-nilai murni

3- Sukan /Permainan

- Mengembangkan bakat, minat dan potensi diri dalam bidang-bidang yang diceburi
- Mengisi masa lapang pelajar dengan aktiviti-aktiviti yang bermakna, berfaedah dan menyeronokkan
- Melahirkan barisan pelajar yang sihat, cergas dan cerdas
- Memupuk semangat berpasukan, bekerjasama, serta bertoleransi

## **6. Pembentukan Sahsiah**

Akhhlak yang mulia terbentuk melalui kegiatan-kegiatan yang mereka jalankan di sekolah dan dikuatkan lagi dengan pembelajaran pendidikan agama yang tinggi. Ini bermakna mereka boleh menyatupadukan antara nilai-nilai yang dipelajari dengan aktiviti-aktiviti mereka. Perkara ini jelas apabila carta seperti yang dinyatakan sebelum ini keseluruhan pelajar adalah menunaikan solat fardhu secara berjemaah di sekolah-asrama. Begitu juga dengan hubungan yang dijalankan masyarakat di sekeliling mereka seperti ibubapa, guru-guru dan masyarakat sekitar adalah baik.

Dapat dilihat bahawa matlamat keseluruhan KISAS samada dari aspek kurikulum dan kurikulum bukan sahaja untuk melahirkan modal insan yang mahir dari segi akademik tetapi juga sahsiah. Ini selaras dengan matlamat melahirkan modal insan yang berkaliber dan mempunyai sahsiah yang tinggi.

Melalui kombinasi kurikulum dan ko-kurikulum yang baik akan melahirkan pelajar yang bertingkah laku baik dan seimbang dalam semua aspek. Selain itu, pihak sekolah mewujudkan sistem demerit yang mana pelajar dibahagikan kepada empat kumpulan sepanjang tahun. Oleh itu, setiap kumpulan perlu bekerjasama untuk membantu satu sama lain dan diri sendiri. Melalui ini pelajar boleh memupuk sifat kerjasama serta mahir cara komunikasi dengan pelajar lain.

KISAS amat menekankan penglibatan pengucapan umum di kalangan pelajar bagi melahirkan pelajar yang bermotivasi tinggi serta berketrampilan dan mempunyai “soft-skill” ketika berhadapan dengan dunia luar terutama dalam bidang pekerjaan. Kemahiran

ini amat diperlukan demi menawar marketability tinggi dan menjana produktiviti berkualiti.

### **Perbincangan: KISAS Menjana Insan Kamil Model JERISAH**

Modal insan kamil menurut Islam ialah mereka yang mempunyai akidah yang kukuh dan berakhhlak mulia berlandaskan Al-Qur'an dan As-Sunnah. Perkara ini adalah selari dengan apa yang ditekankan dalam sistem pengurusan sekolah dengan menggabungkan aspek-aspek fardu ain dan fardu kifayah untuk seiring dalam membina pembangunan tamadun manusia sejahtera. Ia bersesuaian dengan kehendak kompetatif dalam era sains dan teknologi dengan penggunaan siber terbaik berlandaskan nilai-nilai murni yang dipelajari di KISAS. Program Kecemerlangan Ko-kurikulum memberi impak positif dalam menyediakan asas kukuh bagi melahirkan peneraju utama agen perubahan di negara ini kerana mereka adalah aset yang akan membangunkan negara.

Pemilihan KISAS sebagai sekolah kluster berketerampilan aspek Kurikulum-Akademik dan Ko-Kurikulum-Sahsiah Lepasan sekolah kluster akan melanjutkan pelajaran mereka sehingga peringkat yang tertinggi dengan pelbagai pihak bekerjasama membantu demi membangunkan modal insan minda kelas pertama bertaraf nasional dan internasional seperti termaktub dalam visi dan misi KISAS.

Memang wujud suatu bentuk segregasi dalam sistem pendidikan Malaysia yang memisahkan pelajar-pelajar bukan beragama Islam dan beragama Islam yang secara langsung menyebabkan integrasi kaum amat sukar untuk berlaku. Tetapi, tidak mustahil suatu hari nanti kerajaan boleh memberi peluang kepada pelajar bukan Islam memasuki sekolah agama Islam seperti KISAS dimulai dengan nisbah yang kecil. Keadaan ini boleh mendedahkan pelajar tersebut kepada nilai-nilai murni yang terdapat dalam Islam. Pemahaman terhadap Islam dan masyarakat Islam akan lebih luas di kalangan bukan Islam dan permasalahan perpaduan boleh diselesaikan. Amalan sedemiian telahpun dilaksanakan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang mengambil pelajar-pelajar bukan Muslim untuk mengikuti pengajian sepenuh masa, terutama di bidang pendidikan, undang-undang dan ekonomi.

Melihat kepada sistem pendidikan yang ada di Malaysia sekarang ini didapati wujud kepelbagaiannya sekolah seperti sekolah menengah harian, sekolah sains, sekolah menengah teknik, sekolah berasrama penuh dan sebagainya. Walaupun penyelidik tidak membuat perbandingan dengan sekolah lain, namun dengan kajian kes di KISAS sahaja penyelidik dapat membuat rumusan bahawa pelajar yang dilahirkan dari sekolah ini adalah seimbang pembelajaran-pengamalan mereka iaitu mengintegrasikan bidang dunia dengan ukhrawi, kurikulum dengan kokurikulum, sains dengan agama, pengamalan fardu ain dengan fardu kifayah iaitu pelajar berprinsip dan berpersonaliti JERISAH. Penjanaan modal insan kamil boleh dilahirkan di KISAS dengan kesungguhan usaha mengekalkan dan mempertingkatkan lagi kualiti, integriti dan produktiviti.

### **Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan, pengurusan KISAS yang melaksanakan pelbagai pengamalan kurikulum-akademik dan kokurikulum telah berjaya menyumbang kepada perkembangan dan pembentukan pelajar pelbagai keterampilan bersahsiah luhur. Masyarakat Malaysia yang beragama Islam amat perihatin terhadap satu sistem pendidikan integrative sedemikian yang berjaya menanam dan melahirkan keseimbangan

*Wacana pendidikan Islam kali ke 7. 5-6 Disember 2009. Anjuran UKM-Gontor, Indonesia.  
Venue: Pesantren Moden, Gontor, Indonesia.*

diri sahsiah pelajar Insan Kamil yang sihat jasmani, stabil emosi, kukuh rohani, cerdas intelek, mahir sosialisasi, mesra alam persekitaran, dan menjadi hamba Allah yang patuh kepada syariat. Kecemerlangan KISAS telah terbukti dan diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran Malaysia apabila menjadikannya sebagai sebuah sekolah kluster cemerlang yang mendapat pelbagai bantuan pengurusan, kewangan, prasarana, dan kepakaran profesional. Sistem persekolahan model KISAS perlu ditambah di seluruh negara dan menjadi contoh persekolahan di Nusantara serta sarwajagat dunia Islam.

## LAMPIRAN

